

[Home](#) / [2026](#) / [January](#) /

UiTM Cawangan Pahang Jayakan Program Jelajah Ilmu 2025 Bersama DBP dan Kolej Vokasional Chenor

SDG

08/01/2026 / MUNIRATUL HUSNA MOHAMAD ZAKI



JENGA, 12 November 2025 – Perpustakaan Al-Bukhari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang dengan kerjasama Jaringan Industri dan Alumni (ICAN) serta Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah berjaya menganjurkan **Program Jelajah Ilmu** bermula 10 hingga 12 November 2025 bertempat di UiTM Kampus Jengka. Program ini turut menerima sokongan **Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** sebagai rakan strategik.

Program berteraskan literasi ilmu ini dirangka bagi memperkukuh budaya membaca, meningkatkan kemahiran akademik serta memupuk minat terhadap ilmu dalam kalangan pelajar. Sepanjang tiga hari penganjuran, pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk sesi perkongsian ilmu, bengkel pembangunan kemahiran, aktiviti berpusatkan pelajar serta penerokaan bahan rujukan dan sumber digital di Perpustakaan Al-Bukhari.

Program ini turut menarik penyertaan seramai **213 pelajar Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor**, terdiri daripada pelbagai bidang seperti Penternakan, Landskap, Pemprosesan Makanan, Akuakultur dan lain-lain. Penglibatan pelajar daripada pelbagai disiplin pengajian menjadikan program lebih dinamik dan interaktif.



Antara komponen utama program ialah sesi **“Speed Reading”** yang dikendalikan oleh **Puan Nurfarawahidah binti Badruesham**, Pustakawan Kanan, dan **Puan Muniratul Husna binti Mohamad Zaki**, Pustakawan Perpustakaan Al-Bukhari. Sesi ini memberikan pendedahan kepada teknik bacaan pantas yang membantu membentuk tabiat membaca yang konsisten, meningkatkan fokus dan keupayaan tumpuan serta menyokong kecemerlangan akademik pelajar. Peserta turut berpeluang menggunakan modul latihan khas untuk mempraktikkan teknik yang dipelajari.

Selain itu, Program Jelajah Ilmu turut merangkumi aktiviti penerokaan sumber digital, literasi maklumat, sesi motivasi akademik serta pengenalan kepada sumber rujukan universiti. Keseluruhan pengisian program disusun bagi melahirkan pelajar yang lebih bersedia, berpengetahuan dan cekap mengurus pembelajaran sendiri.

Selaras dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4: Pendidikan Berkualiti** dan **SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat**, program ini mengukuhkan jalinan kerjasama antara universiti, sekolah dan komuniti setempat dalam usaha membudayakan ilmu sebagai asas pembentukan generasi

berakhlak dan berdaya saing.

Penganjuran **Program Jelajah Ilmu 2025** ini diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai usaha berterusan UiTM Cawangan Pahang dalam memartabatkan ilmu, memperkukuh kerjasama strategik serta memperluas akses pendidikan kepada masyarakat.



Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Tags: (ACIS) , Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ,
Jabatan Jaringan Industri Alumni dan Komuniti (ICAN) , Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor ,
Perpustakaan Al-Bukhari , Universiti Teknologi MARA (UiTM)

UiTM FKE Shah Alam Menyemai
Minat STEM dalam Kalangan Pelajar
Sekolah Melalui STEM4FUN

Hentikan Kitaran: Pelajar UiTM
Terajui Program Advokasi Anti-Buli di
Bawah 'SULAM'

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

